



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 281/78

### KAEDAH-KAEDAH KUALITI ALAM SEKELILING (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) 1978

*Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 512/99*

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* : 28 September 1978  
Tarikh mula berkuatkuasa : 1 Oktober 1978

---

#### SUSUNAN KAEDAH

---

#### [Mukadimah.](#)

- Kaedah 1. [Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.](#)
- Kaedah 2. [Jumlah yang hendak dikutip dan cara bayaran.](#)
- Kaedah 3. [Borang bagi tawaran untuk mengkompaun.](#)

#### [JADUAL.](#)

#### [SENARAI PINDAAN](#)

## **Mukadimah.**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 45 (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri membuat kaedah-kaedah berikut:

### **Kaedah 1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.**

(1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) 1978** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1978.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

### **Kaedah 2. Jumlah yang hendak dikutip dan cara bayaran.**

(1) Jumlah wang yang hendak dikutip bagi mengkompaun sesuatu kesalahan hendaklah tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

(2) Bayaran jumlah wang hendaklah dibuat secara tunai, atau dengan kiriman wang, kiriman pos, kiriman pembayar, kiriman bank, atau deraf bank kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling dan dipalang "Kira-kira Penerima Sahaja".

(3) Bayaran boleh diserahkan sendiri kepada orang yang membuat tawaran untuk kompaun tetapi, jika dihantar melalui pos, hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling Kerajaan Malaysia.

(4) Setiap bayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai wang kepunyaan Kerajaan Malaysia dan satu resit resmi hendaklah dikeluarkan bagi bayaran itu kepada orang yang kepadanya tawaran untuk dikompaun telah dibuat.

[Pin. P.U. (A) 512/99]

### **Kaedah 3. Borang bagi tawaran untuk mengkompaun.**

Borang dalam Jadual hendaklah digunakan bagi membuat satu tawaran untuk mengkompaun tetapi boleh diubahsuai jika perlu.

# JADUAL

(Kaedah 3)

## TAWARAN UNTUK MENKOMPAN SATU KESALAHAN

Kepada :

.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,\*

Rujukan: .....

Adalah didapati, atas maklumat/aduan\* yang diterima bahawa tuan/puan sebagai tuanpunya/penduduk\* premis-premis ..... telah melakukan kesalahan yang berikut di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.Peruntukan Undang-undang Berkaitan:/ Peraturan \* .....

Tarikh : ..... Masa : .....

Tempat : .....

Butir-butir kesalahan : .....

.....  
.....

2. Tuan/Puan adalah dengan ini diberitahu bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Kaedah-kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) 1978, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan bagi jumlah \$ ..... (Ringgit: ..... ). Jika tawaran ini diterima, bayaran hendaklah dibuat secara tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, kiriman pembayar, kiriman bank, atau deraf bank yang boleh dibayar kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling dan dipalang "Kira-kira Penerima Sahaja" dan bolehlah disampaikan sendiri kepada saya di alamat berikut : .....

Bayaran melalui pos hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pengarah Alam Sekeliling, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Oriental Plaza, Kuala Lumpur. Satu resit resmi akan dikeluarkan apabila bayaran dibuat.

3. Tawaran ini akan tamat tempohnya pada .....  
Jika bayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas diterima sebelum pejabat ditutup, pada tarikh tersebut, tiada tindakan undang-undang akan diambil terhadap tuan/puan berkaitan dengan kesalahan tersebut. Jika tidak pendakwaan mahkamah akan diambil tanpa sebarang notis lanjut.

Bertarikh ....., haribulan ..... 197 .....

.....

*(Hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberikuasa untuk mengkompaun, nama dan pangkatnya hendaklah dituliskan di bawah tandatangan.)*

---

\* Potong di mana perlu.

Ketua Pengarah Alam Sekeliling,

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,

Oriental Plaza,

Kuala Lumpur.

Adalah saya merujuk kepada tawaran mengkompaun kesalahan yang mempunyai rujukan ..... dan tarikh ..... Saya terima tawaran tersebut dan bersama-sama ini disertakan wang tunai/kiriman wang/wang pos/kiriman pembayar/ kiriman bank/deraf bank\* No ..... bagi jumlah ..... sebagai bayaran sepenuhnya kompaun itu.

Tandatangan: .....

Nama (Huruf Besar): .....

Alamat: .....

.....

.....

Tarikh :.....

\_\_\_\_\_

\*Potong di mana perlu.

Dibuat pada 29hb Ogos 1978.

[KST & AS. Sulit 4162/1; AS. 101/3 SJK. 1;PN. (PP U<sup>2</sup>) 280/2.]

TAN SRI ONG KEE HUI,  
*Menteri Sains, Teknologi dan  
Alam Sekitar*

## SENARAI PINDAAN

*Undang-undang  
yang meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuat kuasa  
dari*

[P.U. \(A\) 512/99](#)

Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling  
(Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)  
(Pindaan) 1999

31-12-1999

**Copyrights Reserved** □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD